



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

BOLEHKAH PUASA SUNAT SEBELUM QADHA PUASA RAMADHAN?

(Bilangan 289 Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Qadha bagi orang berbuka disebabkan keuzuran

Adapun puasa yang ditinggalkan disebabkan keuzuran tidaklah wajib diqadha dengan segera. Walau bagaimanapun mengqadhanya dengan segera adalah lebih baik dan hukumnya adalah sunat (mustahab) untuk tujuan berjaga-jaga dan berhati-hati. Begitu juga, tidak diwajibkan mengadha puasanya itu dengan berturut-turut, bahkan hanya sunat sahaja. Oleh itu adalah harus melakukan qadha dengan berselang-seli harinya.

Melambatkan qadha puasa disebabkan keuzuran itu adalah diharuskan sebagaimana disebutkan dalam sebuah riwayat Yahya daripada Abi Salamah, katanya:

:

:

.

()

Maksudnya: *“Saya telah mendengar ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha berkata: “Dahulu saya (‘Aisyah) ada qadha puasa bulan Ramadhan, namun saya tidak upaya untuk mengqadhanya*

melainkan di bulan Sya'ban.” Yahya berkata: “Disebabkan ada kesibukan yang datangnya daripada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam atau dengan Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam (kerana khuatir Baginda akan memerlukan ‘Aisyah pada bila-bila masa).”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang berbuka puasa disebabkan keuzuran, harus melambatkan qadha puasa Ramadhan sehingga datangnya bulan Sya'ban iaitu sebelum datangnya Ramadhan yang baru. Ini kerana Siti ‘Aisyah mengadha puasanya pada bulan Sya'ban tersebut sementara Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* pula banyak mengerjakan puasa sunat di bulan Sya'ban itu.

Perlulah diingat keharusan melambatkan qadha puasa itu tidaklah sampai datangnya bulan Ramadhan yang baru, kerana berdosa bagi orang yang melengah-lengahkan qadha puasa Ramadhan sehingga masuk ke bulan Ramadhan yang baru tanpa keuzuran yang menyebabkan dia tidak dapat mengqadhanya. Keuzuran yang dimaksudkan seperti sakit yang berpanjangan.

Manakala waktu mengqadha puasa itu, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* adalah harus mengqadha puasa Ramadhan pada sepanjang tahun melainkan bulan Ramadhan, Hari-Hari Raya dan Hari Tasyrik. Tidaklah menjadi makruh mengqadha puasa pada selain waktu-waktu yang tidak diharuskan itu sama ada mengqadhanya pada bulan Zulhijjah atau selainnya.

Qadha bagi orang yang berbuka puasa dengan senghaja

Manakala orang yang berbuka puasa dengan senghaja tanpa keuzuran adalah diwajibkan mengqadha puasanya itu dengan segera. Kerana sesiapa yang berbuka puasa dengan senghaja adalah fasik, dan wajib ke atasnya bertaubat dengan segera untuk melepaskan dirinya daripada kefasikan itu. Tiadalah sah taubatnya itu melainkan dia mengqadha kesemua puasa yang ditinggalkannya dengan sengaja itu. Jika dia melengah-lengahkan qadha puasa itu

tanpa keuzuran, nescaya dia berterusan dalam kefasikan. Berterusan dalam kefasikan itu adalah suatu dosa.

Jelasnya bahawa orang yang berbuka puasa dengan sengahaja lalu melengahkan qadha puasanya itu tanpa keuzuran sehingga sampai bulan Ramadhan yang baru adalah berdosa dan fasik. Begitulah juga setiap perkara yang wajib seperti sembahyang, jika ditinggalkan dengan sengahaja lalu dilengah-lengahkan pada mengqadhanya adalah perbuatan dosa dan fasik.

Kewajipan bagi orang yang melambatkan qadha sehingga masuk Ramadhan baru

Sebagaimana penjelasan di atas, adalah berdosa bagi orang yang tiada keuzuran melengah-lengahkan qadha puasanya sehingga masuk Ramadhan yang baru.

Menurut Imam an-Nawawi, apabila seseorang yang tiada mempunyai keuzuran melengah-lengahkan qadha puasanya sehingga masuk bulan Ramadhan yang baru, hendaklah orang tersebut mengerjakan puasa bagi bulan Ramadhan yang baru terlebih dahulu kemudian baharulah dia mengqadha puasa yang ditinggalkannya sebelum ini dan membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkan. Dalam atshar sahabat daripada Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma* berkata:

()

Maksudnya: “*Sesiapa yang melengahkan qadha puasa Ramadhan sehingga menyusul pula Ramadhan yang lain maka hendaklah dia berpuasa Ramadhan di bulan tersebut, kemudian baharulah dia*

mengqadha puasa yang ditinggalkannya dahulu itu dan memberi makan seorang miskin sebagai (fidyah) pada setiap hari.”

(Hadis riwayat ad-Daraquthni)

Jenis fidyah itu ialah sama seperti jenis zakat fitrah iaitu makanan asasi dan yang mengenyangkan bagi sesebuah negeri seperti Negara Brunei Darussalam makanan asasinya adalah beras. Kadar yang patut dikeluarkan ialah satu mudd (secupak) iaitu lima belas tahlil beras bersamaan 566.85 gram.

Orang yang berhak menerima fidyah itu pula ialah orang fakir dan miskin sahaja. Fidyah itu boleh diberi dengan lebih dari satu cupak kepada seorang miskin berlainan dengan kaffarah. Dalam fidyah kaffarah tidak boleh memberi dua cupak untuk seorang miskin bagi membayar kaffarah berkenaan, bahkan hendaklah diberi satu cupak sahaja kepada setiap seorang miskin sebanyak enam puluh orang.

Adapun jika seseorang yang lewat mengadha puasanya sehingga datang Ramadhan yang baru disebabkan keuzuran, seperti ianya masih dalam pelayaran, sakit atau lain-lain keuzuran syar'ie, adalah dituntut mengqadha puasa tanpa membayar fidyah.

Mengerjakan puasa sunat sebelum puasa qadha

Menurut hukum syarak, puasa-puasa sunat hanya boleh dilakukan oleh orang yang telah mengerjakan puasa Ramadhan sebulan penuh dan disunatkan juga dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa Ramadhan sebulan penuh disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syara' seperti perempuan haid dan nifas, musafir yang diharuskan atau orang sakit. Manakala bagi orang yang meninggalkan puasa Ramadhan dengan sengaja adalah haram baginya melakukan apa jua puasa sunat kecuali setelah selesai mengqadha puasanya yang luput itu.

Walau bagaimanapun sebagai agama yang penuh hikmat, Islam juga menyediakan jalan atau cara yang baik bagi mendapatkan pahala sunat sekalipun mempunyai qadha puasa, umpamanya bagi

orang yang hendak melakukan qadha puasa Ramadhan (meninggalkannya kerana keuzuran yang diharuskan oleh syarak) ia boleh dilakukan sekaligus dengan puasa-puasa sunat. Caranya ialah orang tersebut hendaklah berniat bagi kedua-duanya iaitu puasa qadha dan puasa sunat tersebut dengan tujuan bagi mendapatkan ganjaran kedua-duanya sekali (iaitu ganjaran puasa qadha dan ganjaran puasa sunat).

Hal ini sama seperti orang yang berniat puasa wajib sama ada puasa qadha atau puasa nazar, jika dia berniat kedua-duanya sekali iaitu puasa qadha dan puasa sunat hari 'Arafah maka dia akan mendapat ganjaran bagi puasa sunat dan puasa wajib tersebut. Tetapi jika dia berniat hanya bagi puasa sunat sahaja atau puasa wajib sahaja, maka dia hanya akan mendapat ganjaran bagi puasa yang diniatkannya sekalipun ia dilakukan pada hari yang bertepatan antara puasa wajib dan puasa sunat itu.

Ibn Hajar Al-Haitami *Radhiallahu 'anhu* dalam fatwanya menjelaskan, mengenai orang yang berniat puasa sunat bersama puasa wajib seperti di atas dengan katanya:

Maksudnya: *“Jika diniatkan keduanya (puasa sunat dan puasa wajib) dia mendapat ganjaran bagi kedua-duanya atau dia berniat salah satunya maka gugur tuntutan yang satu lagi dan tidak mendapat ganjarannya”*.

Maka jelaslah menurut ulama Syafi'eyah orang yang meninggalkan puasa tanpa keuzuran tidak harus, bahkan haram mengerjakan puasa-puasa sunat kecuali setelah selesai mengqadha puasa yang tertinggal itu, dan bagi mereka yang meninggalkan puasa kerana keuzuran yang diharuskan oleh syara' seperti perempuan haid dan nifas, musafir yang diharuskan atau orang sakit, diharuskan mengqadha disamping berniat puasa sunat bagi mendapatkan ganjaran pahala keduanya.

Sayyidina Abu Bakar *Radiallahu ‘anhu* pernah berkata kepada Sayyidina ‘Umar *Radiallahu ‘anhu*, katanya:

Ertinya: *“Bahawa Allah Ta‘ala mempunyai hak di atas hambaNya pada siang hari maka Dia tiada menerima dibuat hak itu pada malam hari, dan bahawa Allah Ta‘ala itu mempunyai hak di atas hambaNya pada malam hari, maka Dia tiada menerimanya dibuat pada siang hari, dan bahawa Allah tiada menerima perkara yang sunat sehingga ditunaikan perkara yang fardhu.”*

Perkataan Sayyidina Abu Bakar Al-Shiddiq *Radiallahu ‘anhu* adalah nyata bahawa perkara-perkara sunat itu ditolak dan sia-sia sahaja diamalkan, apabila tiada diqadhakan perkara-perkara yang fardhu.